Phung Geok Hoay lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05–185 TAHUN 2009
LINTON ALBERT, MOHTARUDDIN BAKI HHMR DAN ZAWAWI SALLEH H
20 NOVEMBER 2012

B

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — 156.78g methamphetamine dijumpai dalam kereta yang dipandu perayu — Kes pembelaan berupa penafian — Kereta digunakan oleh sepuluh orang lagi kakitangan syarikat — Sama ada perayu menggunakan kereta tersebut pada hari kejadian — Sama ada hakim bicara khilaf dalam mempertimbangkan hujahan perayu — Sama ada tempat dadah-dadah ditemui adalah munasabah — Sama ada kes pendakwaan terjejas apabila ekshibit di mana dadah-dadah dijumpai tidak dikemukakan di mahkamah

D

Dalam kes ini, pengadu ('SP4') dan pasukannya telah melakukan pemerhatian dan serang hendap ke atas kereta yang dipandu oleh perayu dan menjumpai: satu beg plastik warna hitam; satu kotak 'cardboard' dan satu sampul surat yang kesemuanya disyaki mengandungi dadah. Pemeriksaan badan perayu menjumpai satu bungkusan kertas berwarna putih yang mengandungi dua paket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan jernih disyaki dadah jenis syabu. Analisa kimia kemudian mengesahkan bahawa kesemuanya adalah 156.78g methamphetamine. Kereta yang mana dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dijumpai telah disediakan oleh syarikat tempat perayu bekerja bagi digunakan oleh perayu selaku agen hartanah dan perayu telah menggunakan kereta tersebut selama tujuh bulan sebelum tarikh kejadian. Kes pembelaan adalah berupa penafian bahawa pihak polis telah menjumpai bungkusan kertas di poket kiri baju yang dipakainya. Perayu juga menafikan pengetahuan mengenai kotak 'cardboard' dan sampul surat kerana eksibit-eksibit ini dikatakan berada di bawah tempat duduk pemandu. Oleh itu, menurut perayu, dia tidak boleh melihatnya ketika sedang menggunakan kereta tersebut. Perayu menegaskan lagi bahawa kereta tersebut boleh digunakan oleh mana-mana kakitangan syarikat dan bahawa dia tidak menggunakan kereta tersebut pada hari kejadian dan tidak tahu siapa yang menggunakannya. Tambahnya lagi terdapat suatu buku rekod bagi penggunaan kereta. Di Mahkamah Tinggi, perayu telah disabitkan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 atas pertuduhan mengedar 156.58g methamphetamine dan telah dijatuhkan hukuman mati. Dalam rayuan ini, perayu merayu terhadap kedua-dua perintah sabitan dan hukuman dan menghujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah gagal mempertimbangkan hujahan-hujahan perayu

E

F

G

H

I

bahawa: kereta tersebut bukan milik perayu dan bukan digunakan olehnya secara 'eksklusif'; bahawa adalah tidak munasabah bagi satu kotak plastik warna hitam, satu kotak 'cardboard' dan satu sampul surat terletak di atas lantai kereta tersebut kerana ia akan mengganggu kereta itu dipandu oleh perayu dan keterangan perayu bahawa eksibit-eksibit tersebut terletak di bawah kerusi pemandu adalah lebih munasabah; dan bahawa baju kemeja di mana dadah-dadah dijumpai tidak dikemukakan di mahkamah dan tiada apa-apa penjelasan diberikan mengenai kegagalan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Penilaian keterangan oleh hakim bicara mengenai isu penggunaan kereta adalah amat terperinci dan disokong oleh keterangan yang ada di hadapannya. Mahkamah tidak menemui penemuan hakim bicara yang tersasar atau berdasarkan 'fanciful conjecture'. Malah, keterangan yang berpihak kepada perayu juga telah dipertimbangkan secara saksama oleh hakim bicara tetapi telah ditolak kerana tidak munasabah atau mengalami kekurangan-kekurangan tertentu. Kebanyakan aspek keterangan saksi-saksi pendakwaan mengenai isu ini telah tidak dicabar oleh pihak pembelaan (lihat perenggan 20).

(2) Keterangan perayu bahawa terdapat buku rekod bagi penggunaan kereta tersebut hanyalah merupakan satu rekaan dan sesuatu yang difikirkan terkemudian kerana kewujudan buku rekod tersebut tidak pernah dikemukakan kepada mana-mana saksi pendakwaan dan hanya ditimbulkan buat pertama kali semasa pembelaan perayu. Justeru, ia tidak meyakinkan dan tidak boleh dipercayai (lihat perenggan 21).

(3) Tiada kecacatan analisa keterangan yang dibuat oleh hakim bicara mengenai isu penemuan ekshibit-ekshibit di tempat letak kaki kereta. Analisa keterangan hakim bicara disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang beliau dapati kredibel dan boleh dipercayai. Tambahan pula, secara tidak langsung, hujah peguambela adalah percubaan membawa maksud tersirat bahawa saksi-saksi pendakwaan telah memberi keterangan yang tidak benar apabila mereka menyatakan eksibit-eksibit tersebut dijumpai di tempat letak kaki pemandu (lihat perenggan 24).

(4) Keterangan saksi-saksi saling sokong menyokong antara satu sama lain mengenai penemuan bungkusan mengandungi dadah di poket baju yang dipakai oleh perayu. Laporan polis dan borang bongkar juga menyokong penemuan tersebut. Hakim bicara telah meneliti isu ini dan tiada apa-apa kecacatan telah ditemui dalam alasan penghakiman hakim bicara dalam isu ini. Baju bukanlah hal perkara pertuduhan yang sekiranya tidak dikemukakan di mahkamah akan menjejaskan kes pihak pendakwaan. Dengan ketiadaan baju ini sebagai ekshibit sekali pun, terdapat keterangan lain yang kukuh untuk hakim bicara mendapati perayu

bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya (lihat perenggan 27–28).

[English summary

In the instant case, the complainant ('SP4') and his team had carried out an observation and ambushed a car driven by the appellant and found: a black coloured plastic bag; a cardboard box and an envelope all of which suspected to contain drugs. The body search of the appellant revealed a package of white coloured paper containing two transparent plastic packets containing clear powder and chunks suspected to be methamphetamine. Chemist analysis subsequently confirmed that those were 156.78g of methamphetamine. The car in which the drugs which were the subject matter of the charge was found had been provided by the company where the appellant was employed for the use of the appellant as the real estate agent and the appellant had used the car for seven months before the date of incident. The defence case was of denial that the police had found the paper packages in the left pocket of the shirt that he wore. The appellant had also denied knowledge about the cardboard box and the envelope as the exhibits were said to have been under the driver's seat. Therefore, according to the appellant, he could not see it while using the car. The appellant further contended that the car could be used by any of the company's staff and that he did not use the car on the day of the incident and did not know who had used it. He further stated that there was a record book for the use of the car. In the High Court, the appellant was convicted under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 on the charge of trafficking in 156.58g of methamphetamine and was sentenced to death. In this appeal, the appellant appealed against both the order of conviction and sentence and contended that the trial judge had erred in law and fact as he had failed to consider the appellant's contentions that: the car did not belong to the appellant and was not used by him exclusively; that it was not reasonable for a black plastic box, a cardboard box and an envelope placed on the car flooring as it would disturb the driving of the car by the appellant and the evidence of the appellant that the exhibits were placed underneath the driver's seat was more reasonable; and that the shirt where the drugs were found was not produced in the court and there was no explanation given as to the failure.

Held, dismissing the appeal:

(1) The evaluation of the evidence by the trial judge as to the issue of the usage of the car was very detailed and supported by other evidence before him. The court could not find any findings of the trial judge that was deviated or based on fanciful conjecture. In fact, the evidence that was favourable to the appellant had also been considered fairly by the trial judge but was dismissed as it was not reasonable or suffered from certain disadvantages. Most aspects of the prosecution witnesses in this issue was not challenged by the defence (see para 20).

(2) The appellant's evidence that there was a record book for the use of the car was something that was made out and an afterthought as the existence of the record book had never been adduced to any of the prosecution witness and was only raised for the first time during the appellant's defence. Hence, it was not convincing and not credible (see para 21).

(3) There was no irregularity in the analysis of the evidence by the trial judge on the issue of discovery of the exhibits on the car foot rest. The analysis of evidence by the trial judge was supported by the evidence of the prosecution witnesses whom he found to be credible and trustworthy. Moreover, implicitly, the defence counsel's contention was an attempt to bring an implied meaning that the prosecution witnesses had given untruth evidence when they stated that the exhibits were found at the foot rest of the driver (see para 24).

(4) The evidence of the witnesses complemented each and another as to the discovery of the packages containing drugs in the pocket of the shirt worn by the appellant. The police report and the search forms also supported the findings. The trial judge had evaluated this issue and there was no irregularity that was found in the grounds of decision of the trial judge on this issue. The shirt was not the subject matter of the charge which if it was not produced in the court would affect the prosecution's case. Even in the absence of the shirt as an exhibit, there was other strong evidence for the trial judge to find the appellant guilty and convicted of the charge preferred against him (see paras 27–28).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai layuan terhadap subitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 216–222.

Kes-kes yang dirujuk

Aedy bin Osman v PP [2010] 1 MLJ 810; [2010] 4 CLJ 138, MR (dirujuk)
AEG Carapiet v AY Derderian AIR 1961 Cal 359 (dirujuk)
Che Din bin Ahmad v PP [1976] 1 MLJ 289 (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Irtelli v Squatriti & Ors [1993] QB 83, MR (dirujuk)
Juma'at bin Samad v PP [1993] 3 SLR 338, MT (dirujuk)
Law Tim Wah v PP [1978] 1 MLJ 167, MP (dirujuk)
Lim Kheak Teong v PP [1985] 1 MLJ 38, MP (dirujuk)
Lo Fat Thjan & Ors v PP [1968] 1 MLJ 274, MP (dirujuk)
Megat Halim Megat Omar v PP [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohamed Ezam bin Mohd Noor & Ors v Ketua Polis Negara [2002] 1 MLJ 321; [2002] 4 CLJ 309, MP (dirujuk)
Mohamed bin Jamal v PP [1964] MLJ 254, MP (dirujuk)
Murugayah v PP [2004] 2 MLJ 545, MR (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnappan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557, MR (dirujuk)

PP v Abd Latif bin Sakiman [2005] 6 MLJ 351, MT (dirujuk)
PP v David Ackowuah Bonsu [1998] 7 MLJ 451; [2009] 1 LNS 889, MT (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561; [1992] 4 CLJ 2086, MA (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Mohamed Ali [1962] MLJ 257 (dirujuk)
PP v Munusamy [1980] 2 MLJ 133, MP (dirujuk)
PP v Nur Hassan bin Salip Hashim & Anor [1993] MLJU 241; [1993] 2 CLJ 551, MT (dirujuk)
PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79, MP (dirujuk)
R v Parks [1961] 1 WLR 1486; [1961] 3 All ER 633, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)
Tan Thong Jin v PP [2002] 3 MLJ 695; [2002] 3 CLJ 552, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da)(xvi), 39B(1)(a)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 61, 61(1)
Kanun Acara Jenayah ss 277, 317

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah 45–08 Tahun 2004(MT5) (Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang)

R Nethaji Rayer (R Nethaji Rayer & Co) bagi pihak perayu.
Fatnin bt Yusuf (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohd Zawawi H (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Di hadapan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Phung Geok Hoay ('perayu'), telah dituduh dan dibicarakan dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Julai 2002 jam lebih kurang 4.00 petang bertempat di hadapan Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon, Georgetown, dalam Daerah Timur Laut, dalam Negeri Pulau Pinang telah mengedarkan dadah berbahaya iaitu sejumlah berat 156.58 gram Methamphetamine dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir kes pembelaan, pesuruhjaya kehakiman bijaksana ('hakim bicara'), telah memutuskan bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan atas imbangan kebarangkalian,

perayu juga telah gagal mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952').

[3] Hakim bicara telah mensabitkan perayu dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 dan menjatuhkan humanan gantung seperti yang diperuntukkan oleh s 277 Kanun Acara Jenayah.

[4] Terkilan dengan keputusan hakim bicara, perayu telah merayu kepada mahkamah ini terhadap kedua-dua perintah sabitan dan hukuman.

[5] Kami telah mendengar rayuan ini pada 6 September 2012 dan di akhir pendengaran, kami mendapati rayuan ini tidak bermerit dan dengan sebulat suara telah menolak rayuan perayu. Sabitan dan hukuman hakim bicara disah dan dikekalkan.

FAKTA KES

[6] Hakim bicara telah menyediakan alasan penghakiman yang panjang dan komprensif di mana fakta kes telah dinyatakan secara terperinci. Kami berpendapat adalah tidak perlu bagi kami untuk meluahkannya semula dan memadai sekiranya fakta-fakta yang penting sahaja dinyatakan seperti berikut:

Kes Pendakwaan

(a) pada 24 Julai 2002, jam lebih kurang 3.40 petang, pengadu Cif Inspektor Rajaram a/l Arumugam ('SP4') dan pasukannya telah mengambil tempat bagi melakukan pemerhatian dan serang hendap di Jalan Rangoon dan kawasan berhampiran Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon, Georgetown, Pulau Pinang ('tempat sasaran');

(b) pada jam lebih kurang 4 petang, selepas 20 minit membuat pemerhatian, SP4 melihat sebuah kereta jenis Proton Saga berwarna keperakan ('silver'), bernombor pendaftaran PCD 5265, yang dipandu oleh seorang lelaki (kemudiannya dicamkan sebagai perayu) telah memasuki tempat sasaran. Tiada orang lain di dalam kereta itu melainkan perayu seorang diri sebagai pemandu;

(c) kemudiannya, kereta tersebut berhenti dalam jarak 8–10 meter dari tempat SP4 membuat pemerhatian. Selepas 30 saat kereta tersebut berhenti, SP4 dan pasukannya bergerak ke arah kereta tersebut. SP4 mengetuk dengan tangan tingkap cermin sebelah pemandu kereta tersebut dan memperkenalkan dirinya sebagai polis. Pada ketika SP4 sampai ke kereta itu, enjin kereta telah dimatikan dan semua tingkap kereta bertutup;

(d) SP4, dengan arahan gerak tangannya, telah meminta perayu keluar dari kereta itu dan pada masa yang sama membuka pintu sebelah pemandu yang tidak berkunci. Sekali lagi SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis dan mengarahkan perayu keluar dari kereta. Pada ketika itu, kunci kereta masih di suis kereta;

(e) semasa pintu dibuka dan pemandu kereta itu hendak keluar, SP4 melihat satu beg plastik warna hitam, satu kotak 'cardboard' dan satu sampul surat berwarna kecokelatan terletak di atas lantai kereta tersebut, iaitu di bahagian tempat letak kaki pemandu. Beg hitam, kotak dan sampul surat itu tidak tersembunyi dan boleh dilihat dengan mudah. Keterangan penemuan barang-barang kes ini disokong oleh keterangan ASP Ahmad Sidi Mohd Lazim ('SP7');

(f) seterusnya, SP4 memeriksa badan perayu dan menjumpai di dalam poket kiri baju kemeja berwarna merah jambu ('pink') yang dipakai oleh perayu, satu bungkusan kertas berwarna putih bertulis 'Good and Prompt Service'. Apabila dibuka, beliau menjumpai dua peket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan jernih disyaki dadah jenis syabu. Pada ketika itu, perayu kelihatan pucat dan terkejut;

(g) SP4 telah membuat pemeriksaan lanjut terhadap barang-barang kes yang dirampas di tempat letak kaki kereta itu. Di dalam beg plastik hitam, beliau menjumpai 21 peket-peket kecil lutsinar yang setiap satunya mengandungi serbuk dan ketulan yang disyaki dadah jenis syabu. Di dalam kotak 'cardboard', beliau menjumpai satu peket lutsinar bersaiz besar berisi serbuk dan ketulan yang disyaki dadah jenis syabu. Manakala dalam sampul surat berwarna kecoklatan, beliau menjumpai sembilan peket-peket kecil lutsinar berisi pil-pil yang disyaki dadah. Jumlah kesemua pil ialah 841 biji;

(h) perayu ditangkap dan dibawa ke IPK Pulau Pinang. SP4 telah membuat penandaan terhadap kesemua barang kes yang dirampas dan mengeluarkan borang bongkar (P8). Selanjutnya, SP4 telah membuat laporan polis (P9). Perayu dan kesemua barang kes diserahkan kepada Cif Inspektor Barber Singh ('SP9'), pegawai penyiasat, dan terdapat penyerahan borang serah menyerah (P10) antara mereka;

(i) analisis kimia dijalankan oleh Hj Shaharuddin bin Hasan ('SP5') pada 26 Julai 2002. SP5 mengesahkan bahawa serbuk dan ketulan-ketulan tersebut ialah dadah methamphetamine seberat 156.78g; dan

(j) Encik Jaya Balan a/l AN Rajan ('SP8') memberi keterangan bahawa kereta di mana dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dijumpai telah diuntukkan oleh syarikat tempat perayu bekerja bagi digunakan oleh perayu selaku ejen hartanah. SP8 mengatakan

bahawa perayu telah menggunakan kereta tersebut selama tujuh bulan sebelum tarikh kejadian.

Kes Pembelaan

(a) pada inti patinya, perayu menafikan bahawa pihak polis telah menjumpai bungkusan kertas berwarna putih yang mengandungi dua peket plastik kecil lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan dadah di poket kiri baju yang dipakainya. Perayu mengatakan bahawa sebenarnya pada ketika itu beliau memakai baju yang lain, iaitu baju kemeja syarikat;

(b) perayu juga menafikan yang beliau mempunyai pengetahuan mengenai kotak 'cardboard' dan sampul surat berwarna kecoklatan kerana eksibit-eksibit ini dikatakan berada di bawah tempat duduk pemandu. Oleh itu, beliau tidak boleh melihatnya ketika beliau menggunakan kereta itu;

(c) perayu menjelaskan tentang tugasnya. Mengikut perayu, beliau bekerja dengan New Bob Management Sdn Bhd sebagai pemandu semenjak tujuh bulan sebelum ditangkap. Pada hari kejadian, iaitu jam lebih kurang 3.30 petang, perayu telah diarahkan oleh majikannya ('DW1') untuk membuat lawatan dan meletakkan poster di premis-premis yang diuruskan oleh syarikat yang ditawarkan untuk sewaan dan jualan; dan

(d) perayu mengatakan bahawa kereta itu boleh digunakan oleh mana-mana dari sepuluh orang lagi kakitangan syarikat. Pada pagi 24 Julai 2002, perayu tidak menggunakan kereta tersebut dan beliau tidak tahu siapakah yang menggunakannya.

NOTIS USUL

[7] Sebelum pendengaran merit rayuan dijalankan, Encik R Nethaji Rayer, peguambela terpelajar perayu telah mengemukakan satu notis usul (lampiran 14a), memohon supaya afidavit yang diikrarkan oleh Encik Rafael Prabakaran bin Abdullah (lampiran 14b) dimasukkan dan diguna pakai sebagai keterangan baru dan/atau tambahan semasa pendengaran rayuan ini. Kandungan afidavit tersebut, antara lain, menyatakan bahawa:

> … pada 07/07/2009 semasa perbicaraan kes ini di Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang saya telah melihat SP4 iaitu Ketua Inspektor Rajaram a/l Arumugam (selepas ini mulai dirujuk sebagai SP4) berbincang dan memberi maklumat mengenai butir-butir perbicaraan kes ini kepada saksi-saksi lain termasuk SP7 ASP

Ahmad Sidi Mohd Lazim (selepas ini mulai dirujuk sebagai SP7) seorang lagi pegawai serbuan. Dalam perbincangan tersebut yang dihadiri beberapa orang saksi-saksi lain saya telah melihat SP4 merujuk kepada Rajah Kasar dan Gambar-Gambar yang digunakan dalam perbicaraan, seolah-olah membimbing dan menunjuk ajar bagaimana keterangan harus diberikan di Mahkamah ketika perbicaraan.

(lihat lampiran 4b, perenggan 6).

[8] Adalah jelas bahawa tujuan notis usul ini dikemukakan adalah untuk menunjukkan bahawa SP4 telah berbincang mengenai butir-butir keterangan penting dengan kesemua saksi pendakwaan, dengan tujuan untuk memberitahu, merancang dan mengatur agar kesemua saksi pendakwaan memberi keterangan yang selari dan tidak bercanggah. Matlamat akhir ialah untuk menunjukkan bahawa saksi-saksi pendakwaan bukanlah merupakan saksi-saksi yang kredible dan keterangan mereka perlu dilihat dengan berhati-hati, diragukan dan/atau tidak diterima.

[9] Puan Fatnin bt Yusuf, timbalan pendakwa raya terpelajar, membantah dengan keras permohonan ini atas alasan bahawa pemohon telah gagal untuk menunjukkan atau memuaskan hati mahkamah bahawa syarat-syarat mengenai penerimaan masuk keterangan tambahan di peringkat rayuan telah dipenuhi. Bagi menyokong hujahan beliau, timbalan pendakwa raya terpelajar merujuk kepada kes-kes *R v Parks* [1961] 1 WLR 1486; [1961] 3 All ER 633; *Mohamed bin Jamal v Public Prosecutor* [1964] MLJ 254; *Lo Fat Thjan & Ors v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 274; *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289 dan *Murugayah v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 545.

[10] Penerimaan keterangan tambahan bagi kes-kes jenayah di Mahkamah Rayuan adalah dikawal oleh s 61 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Disemak — 1972) yang memperuntukkan seperti berikut:

Section 61 Additional evidence

(1) In dealing with any appeal in a criminal case the Court of Appeal may, if it thinks additional evidence to be necessary, either take such evidence itself or direct it to be taken by the trial court.

(2) When the additional evidence is taken by the trial court, it shall certify the evidence, with a statement of its opinion on the case considered with regard to the additional evidence, to the Court of Appeal, and the Court of Appeal shall thereupon proceed to dispose of the appeal.

(3) The parties to the appeal shall be present when additional evidence is taken.

(4) In dealing with any appeal in a criminal case the Court of Appeal may also, if it thinks fit, call for and receive from the trial court a report of any matter connected with the trial.

[11] Melihat kepada perkataan-perkataan dalam s 61 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di atas, nampaknya ia memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah untuk mendapatkan keterangan tambahan jika ia difikirkan perlu ('if it thinks additional evidence to be necessary'). Perkataan perlu ('necessary') dalam s 61(1) tidak syak lagi merujuk kepada perlu atau suai manfaat demi kepentingan keadilan ('necessary or expedient in the interest of justice'), (lihat *Mohamed Ezam bin Mohd Noor & Ors v Ketua Polis Negara* [2002] 1 MLJ 321; [2002] 4 CLJ 309; *Juma'at bin Samad v Public Prosecutor* [1993] 3 SLR 338; *Irtelli v Squatriti & Ors* [1993] QB 83). Walau bagaimanapun, pelaksanaan budi bicara tersebut hendaklah menurut panduan-panduan kehakiman mantap dan tidak boleh dilaksanakan secara sewenang-wenang ('arbitrary').

[12] Pada pandangan kami, keputusan mahkamah-mahkamah Malaysia mengenai s 317 Kanun Acara Jenayah mengenai penerimaan keterangan tambahan boleh dijadikan panduan. Seksyen 317 Prosedur Jenayah menggunakan perkataan-perkataan yang sama maksudnya dengan s 61 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[13] Dalam kes *Murugayah v Public Prosecutor*, Augustine Paul HMR (sebagaimana beliau ketika itu) ketika memberi alasan penghakiman mahkamah ini berkata di ms 548–549:

> [6] It will be observed that the reception of additional evidence is a matter of discretion. It is settled law that the exercise of a discretion must be in accordance with established judicial guidelines. In the case of adducing additional evidence, the guidelines were spelt out in *Ladd v Marshal* [1954] 3 All ER 745 in the form of three conditions. In elaboration of the conditions, Lord Parket CJ said in *R v Parks* [1961] 3 All ER 633 at p 634:
>
> > Those principles can be summarised in this way. First, the evidence that it is sought to call must be evidence which was not available at the trial. Secondly, and this goes without saying, it must be evidence relevant to the issues. Thirdly, it must be evidence which is credible evidence in the sense that it is well capable of belief; it is not for this court to decide whether it is to be believed or not, but it must be evidence which is capable of belief. Fourthly, the court will after considering that evidence go on to consider whether there might have been a reasonable doubt in the minds of the jury as to the guilt of the appellant if that evidence had been given together with the other evidence at the trial.
>
> [7] The statement of the law in *R v Parks* [1961] 3 All ER 633 has been adopted and applied in local cases such as *Mohamed bin Jamal v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 254; *Dol bin Lasim v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 116; *Lo Fat Thjan & Ors v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 274 and *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289. The conditions are cumulative and not in the alternative and it is for the appellant to satisfy the court that they have been fulfilled (see *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289). It is only in the most exceptional

circumstances that the court will receive additional evidence. As Syed Agil Barakbah J (as he then was) said in *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289 at pp 289–290:

> Now, s 317 of the Criminal Procedure Code gives a discretion to the judge in hearing any appeal to allow additional evidence if he thinks such is necessary. In considering such application the appellate court has always adopted the attitude that it is only in the most exceptional circumstances, and subject to what may be described as exceptional conditions, that the court is ever willing to listen to additional evidence (*Mohamed bin Jamal v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 354 at p 255 per Thomson LP, quoting Hallet J in the case of *R v Jordan* [1956] 40 Cr App R 152 at p 154). It is clear, therefore, that not only the circumstances must be most exceptional but the subject which is proposed to be adduced by further evidence is subject to exceptional condition. It becomes necessary only if a failure of justice would result if such additional evidence was not taken and allowed when additional facts have come to light since the date of trial. The matter is left entirely to the discretion of the court.

[14] Selepas membaca afidavit yang dideposkan oleh Encik Rafael Prabakaran bin Abdullah (lampiran 14b), mendengar hujahan-hujahan peguambela dan timbalan pendakwa raya terpelajar, kami berpendapat bahawa pemohonan melalui notis usul ini adalah tidak bermerit dan kami menolaknya. Alasan kami ialah seperti berikut:

(a) alegasi atau pengataan yang terkandung di dalam afidavit lampiran 14b adalah serius iaitu perbuatan SP4, seorang pegawai kanan polis, yang dikatakan telah memberitahu, merancang dan mengatur keterangan kesemua saksi pendakwaan supaya memberi keterangan yang selari dan tidak bercanggah. Walau bagaimanapun, pedepos afidavit, iaitu Encik Rafael Prabakaran bin Abdullah, yang merupakan seorang peguamcara dan peguambela, tidak membuat sebarang laporan polis. Beliau adalah peguambela yang mengendalikan kes ini di peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi;

(b) isu ini juga telah ditimbulkan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. SP4 telah menafikan sekeras-kerasnya alegasi atau pengataan tersebut (lihat ms 75 rekod rayuan tambahan). Peguambela terpelajar juga telah mengemukakan hujah mengenai isu ini diakhir kes pembelaan (lihat ms 51–52 rekod rayuan);

(c) perbicaraan kes ini telah selesai di Mahkamah Tinggi pada 11 Ogos 2009 dan daripada tarikh tersebut sehinggalah notis usul ini difailkan pada 24 Ogos 2012, telah berlalu suatu tempoh yang lama, iaitu melebihi tiga tahun. Tiada penjelasan diberikan dalam afidavit di lampiran 14b mengapakah terdapat kelewatan yang bersangatan di pihak pemohon

untuk memfailkan notis usul ini. Pada pandangan kami, tindakan ini merupakan suatu tindakan yang difikirkan kemudian ('afterthought'); dan

(d) Permohonan ini tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam kes *R v Parks*, yang telah diterima oleh Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes *Murugayah v Public Prosecutor*. Pertama, apa yang dikatakan 'keterangan tambahan' ini telah pun ditimbulkan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Oleh itu, ia bukanlah suatu keterangan yang tidak ada semasa perbicaraan. Kedua, adalah diragui sama ada 'keterangan tambahan' tersebut boleh dipercayai kerana ia telah dinafikan oleh SP4 semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Ketiga, hakim bicara telah membuat penemuan bahawa saksi-saksi utama pendakwaan adalah merupakan saksi-saksi yang kredible. Oleh itu, tidak ada kemungkinan terdapat keraguan munasabah dalam pemikiran hakim bicara berhubung dengan kebersalahan perayu sekiranya keterangan tersebut diberikan, dan sememangnya keterangan ini telah diberikan, bersama dengan keterangan lain dalam perbicaraan tersebut.

RAYUAN

[15] Walaupun perayu dalam petisyen rayuannya telah mengemukakan 11 alasan rayuan, namun di hadapan kami, peguambela terpelajar perayu hanya berhasrat untuk meneruskan alasan-alasan rayuan utama yang berikut:

(a) Yang Arif hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah gagal mempertimbangkan bahawa kereta Proton Saga nombor pendaftaran PCD 5265 bukanlah kereta milik perayu dan bukannya digunakan secara 'eksklusif' oleh perayu. Justeru, perayu bukanlah seorang sahaja yang menggunakan kereta tersebut;

(b) Yang Arif hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah gagal mempertimbangkan bahawa adalah tidak munasabah bagi satu kotak plastik warna hitam, satu kotak 'cardboard' dan satu sampul surat berwarna kecoklatan terletak di atas lantai kereta tersebut kerana ia akan mengganggu kereta itu dipandu oleh perayu dan keterangan perayu bahawa eksibit-eksibit tersebut terletak di bawah kerusi pemandu adalah lebih munasabah; dan

(c) Yang Arif hakim juga telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah gagal mempertimbangkan bahawa baju kemeja di mana eksh P12 dijumpai tidak dikemukakan di mahkamah dan tiada apa-apa penjelasan diberikan mengenai kegagalan tersebut.

[16] Seperti yang dapat diperhatikan, alasan-alasan rayuan yang

dikemukakan oleh perayu adalah kebanyakannya merupakan cabaran terhadap penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara dan tidak melibatkan isu undang-undang. Cabaran yang sama telah pun dibuat di hadapan hakim bicara. Hakim bicara telah memberi pertimbangan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dan mendapati isu-isu tersebut tidak bermerit. Kami mendapati proses penganalisaan keterangan dan/atau fakta hakim bicara dalam mencapai keputusannya adalah amat teliti. Kami mendapati tidak terdapat apa-apa penyalaharahan diri atau 'misapprehension' dari segi fakta atau undang-undang di pihak hakim bicara.

[17] Alasan-alasan rayuan akan dibincangkan satu persatu seperti di perenggan-perenggan di bawah.

Isu (a): Penggunaan kereta PCD 5265

[18] Peguambela terpelajar membawa hujah bahawa hakim bicara telah gagal mempertimbangkan keterangan SP8 yang menyatakan bahawa perayu tidak mempunyai jagaan, kawalan dan penggunaan ekslusif kereta Proton Saga PCD 5265 pada semua masa yang material. SP8 dikatakan telah memberi keterangan bahawa kereta tersebut boleh digunakan oleh mana-mana kakitangan New Bob Management Sdn Bhd.

[19] Isu penggunaan kereta PCD 5265 telah diteliti oleh hakim bicara secara mendalam di ms 93–97 rekod rayuan. Alasan yang dikemukakan oleh hakim bicara bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) keterangan SP8 secara jelas menunjukkan bahawa kereta tersebut telah diuntukkan oleh syarikat untuk kegunaan perayu;

(b) tidak ada kemungkinan dadah yang ditemui di tempat letak kaki pemandu diletakkan oleh mana-mana staf atau orang lain yang menggunakan kereta tersebut pagi hari kejadian kerana adalah tidak munasabah untuk mana-mana orang untuk berbuat demikian memandangkan ia akan diketahui oleh orang lain yang akan menggunakan kereta tersebut selepas itu dan dalam kes ini ialah perayu. Tambahan pula, kunci kereta itu perlu dipulangkan kepada setiausaha DW1 atau kepada DW1 sendiri;

(c) tidak ada orang lain selain daripada perayu yang menggunakan kereta tersebut pada hari kejadian kerana DW1, telah berbincang tugasan perayu pada pagi hari tersebut. DW1 juga tidak menyatakan bahawa kunci kereta itu telah diberikan kepada orang lain. Kunci kereta tersebut dipegang oleh DW1;

(d) SP8 memberi keterangan bahawa perayu diuntukkan sebuah kereta iaitu Proton Saga PCD 5265 untuk kegunaannya;

(e) keterangan bahawa terdapat *posters* dan *banners* di dalam kereta PCD 5265 telah ditolak oleh hakim bicara kerana ia hanyalah keterangan rekaan untuk menjustifikasi kehadiran perayuan di tempat kejadian;

(f) tidak terdapat buku rekod penggunaan kereta tersebut seperti yang didakwa oleh perayu dan perayu gagal mengemukakannya di mahkamah; dan

(g) memandangkan perayu diuntukkan kereta PCD 5265 oleh syarikat bagi kegunaannya, perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kereta tersebut.

[20] Kami berpendapat bahawa penilaian keterangan oleh hakim bicara mengenai isu ini adalah amat terperinci dan disokong oleh keterangan yang ada di hadapannya. Kami tidak mendapati apa-apa penemuan hakim bicara yang tersasar atau berdasarkan 'fanciful conjecture'. Malah, keterangan yang berpihak kepada perayu juga telah dipertimbangkan secara saksama oleh hakim bicara tetapi telah ditolak kerana tidak munasabah atau mengalami kekurangan-kekurangan ('shortcomings') tertentu. Kebanyakan aspek keterangan saksi-saksi pendakwaan mengenai isu ini telah tidak dicabar oleh pihak pembelaan.

[21] Berhubung dengan keterangan perayu bahawa terdapat buku rekod bagi penggunaan kereta PCD 5265, kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa ia hanyalah merupakan satu rekaan dan merupakan sesuatu yang difikirkan terkemudian ('afterthought') kerana kewujudan buku rekod tersebut tidak pernah dikemukakan kepada mana-mana saksi pendakwaan dan hanya ditimbulkan buat pertama kali semasa pembelaan perayu. Justeru, ia tidak meyakinkan dan tidak boleh dipercayai (lihat *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 4 CLJ 2086; *Megat Halim Megat Omar v Public Prosecutor* [2009] 1 CLJ 154 (CA); *AEG Carapiet v AY Derderian* AIR 1961 Cal 359; *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236 (MP)).

Isu (b): Tidak munasabah ekshibit-ekshibit dijumpai di tempat letak kaki pemandu

[22] Peguambela terpelajar berhujah bahawa adalah tidak munasabah satu beg plastik warna hitam, satu kotak 'cardboard' dan satu sampul surat warna kecoklatan dijumpai di tempat letak kaki pemandu kerana ia akan menganggu pemandu kereta apabila eksibit-eksibit tersebut akan bergerak berselerak apabila kereta dipandu. Peguambela terpelajar menjemput mahkamah meneliti gambar-gambar P6 (A–D) di ms 160–162, rekod rayuan yang menunjukkan bahawa ekshibit-ekshibit tersebut adalah agak besar saiznya yang tidak memungkinkan ia terletak di situ. Dihujahkan, adalah lebih

munasabah, seperti yang terdapat dalam keterangan perayu, bahawa ekshibit-ekshibit tersebut berada di bawah tempat duduk pemandu.

[23] Hujah ini telah diberi pertimbangan yang teliti oleh hakim bicara dalam alasan penghakimannya di ms 74–75 rekod rayuan. la bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) SP7 secara jelas menyatakan beliau melihat beg plastik hitam (P15), kotak 'cardboard' (P21) dan sampul surat berwarna kecoklatan (P24) terletak di bahagian kaki pemandu kereta PCD 5265 sebaik sahaja pintu kereta dibuka dan perayu turun dari kereta tersebut setelah diarahkan oleh SP4. SP7 melihat SP4 memeriksa P15, P21 dan P24 yang mengandungi peket-peket plastik berisi serbuk dan ketulan tersebut;

(b) laporan polis SP4 (P9) dan borang bongkar (P8) mencatatkan P15, P21 dan P24 serta kandungan masing-masing dijumpai ditempat letak kaki pemandu di dalam kereta PCD 5265;

(c) semasa memberi keterangan, SP4 telah membuat tandaan 'X1', 'X2',dan 'X3' atas gambar P5M sebagai tempat P15 (kotak hitam), P21 (kotak 'Regent Air Pump') dan P24 (sampul surat warna kecoklatan) ditemui olehnya di dalam kereta PCD 5265 tersebut;

(d) bukanlah merupakan sesuatu yang tidak munasabah untuk P15, P21 dan P24 diletakkan di tempat letak kaki pemandu PCD 5265 kerana terdapat ruang bagi pemandu untuk memandu dan meletakkan kaki di bahagian pedal kenderaan dengan selesa semasa memandu (lihat gambar P5M);

(e) ekshibit-ekshibit tersebut mudah dilihat dan tidak tersorok dari pandangan pemandu ('in plain view of the appellant'); dan

(f) hakim bicara mendapati SP4 dan SP7 sebagai saksi-saksi yang *credible* dan keterangan mereka boleh diterima.

[24] Kami tidak mendapati apa-apa kecacatan analisa keterangan yang dibuat oleh hakim bicara mengenai isu ini. Analisa keterangan hakim bicara adalah disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang beliau dapati kredible dan boleh dipercayai.

[25] Tambahan pula, secara tidak langsung, hujah peguambela terpelajar nampaknya membawa maksud tersirat bahawa saksi-saksi pendakwaan, iaitu SP4 dan SP7 telah memberi keterangan yang tidak benar apabila mereka menyatakan ekshibit-ekshibit tersebut dijumpai di tempat letak kaki pemandu. Tidak ada alasan dikemukakan oleh peguambela terpelajar perayu untuk menunjukkan mengapakah SP4 dan SP7 'economical with the truth'. SP4 dan SP7 adalah penjawat awam yang tidak mempunyai apa-apa motif untuk menganiaya perayu dan hanya memberi keterangan mengenai apa yang

A sebenarnya berlaku (lihat kes *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257; *Public Prosecutor v Abdul Latif bin Sakiman* [2005] 6 MLJ 351; *Aedy bin Osman v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 810; [2010] 4 CLJ 138; *Public Prosecutor v David Ackowuah Bonsu* [1998] 7 MLJ 451; [2009] 1 LNS 889).

B *Isu (c): Kegagalan pendakwaan mengemukakan baju kemeja di mana P12 dijumpai*

[26] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa adalah diragukan sama ada perayu memakai baju warna merah jambu ('pink') atau baju kemeja C syarikat semasa kejadian di mana P12 dijumpai. Dihujahkan, saksi-saksi pendakwaan tidak bercakap benar dalam aspek keterangan ini kerana mereka berhasrat untuk mengaitkan penemuan dadah di dalam poket baju tersebut dengan ekshibit-ekshibit dadah yang dikatakan dijumpai di tempat letak kaki pemandu. D

[27] Kami tidak bersetuju. Kami mendapati keterangan SP4 dan SP7 saling sokong menyokong antara satu sama lain mengenai penemuan bungkusan mengandungi dadah di poket baju yang dipakai oleh perayu. Laporan polis (P9) dan borang bongkar (P8) juga menyokong penemuan tersebut. Hakim E bicara telah meneliti isu ini di ms 97–98 rekod rayuan, Jil 1. Kami tidak mendpati apa-apa kecacatan dalam alasan penghakiman hakim bicara dalam isu ini.

F **[28]** Perlu diambil perhatian bahawa baju bukanlah merupakan hal perkara pertuduhan yang sekiranya tidak dikemukakan di mahkamah akan menjejaskan kes pihak pendakwaan. Dengan ketiadaan baju ini sebagai ekshibit sekalipun, terdapat keterangan lain yang kukuh untuk hakim bicara mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang G dihadapkan terhadapnya.

[29] Melihat kepada keseluruhan keterangan, kami bersetuju dengan hakim bicara bahawa pembelaan perayu adalah semata-mata penafian kosong dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan (lihat *DA* H *Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195; *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324; *Public Prosecutor v Nur Hassan bin Salip Hashim & Anor* [1993] MLJU 241; [1993] 2 CLJ 551).

[30] Pada keseluruhannya, cabaran perayu terhadap keputusan hakim bicara I adalah menjurus terhadap penemuan fakta. Justeru, kes ini memberi peluang kepada mahkamah ini untuk sekian kalinya mengulangi satu prinsip undang-undang yang telah mantap iaitu Mahkamah Rayuan hendaklah mengambil sikap perlahan dan berhati-hati dalam mengubah penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara yang mempunyai kelebihan melihat dan

mendengar saksi-saksi memberi keterangan. Penemuan fakta hakim bicara hanya boleh diganggu jika ia 'perverse' dan membawa kepada ketidakadilan ('miscarriage of justice'), di mana tidak berlaku dalam kes ini (lihat kes-kes *Lim Kheak Teong v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 38; *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557; *Tan Thong Jin v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 695; [2002] 3 CLJ 552; *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79; *Public Prosecutor v Munusamy* [1980] 2 MLJ 133 dan *Law Tim Wah v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 167).

KESIMPULAN

[31] Kami telah memberi pertimbangan yang mendalam terhadap kesemua alasan rayuan yang dikemukakan oleh perayu. Kami berpuashati bahawa rayuan ini tidak bermerit. Hakim bicara telah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan, termasuklah yang memberi faedah kepada perayu, dan memutuskan di akhir kes pembelaan bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dan atas imbangan kebarangkalian, perayu juga telah gagal mematahkan anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) ADB 1952. Justeru, pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah.

[32] Dalam hal demikian, sabitan dan hukuman hakim bicara adalah selamat. Sabitan dan hukuman hakim bicara dengan ini disah dan dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor